



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 7 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HPPNK 2025@TAWAU DEKATKAN KERAJAAN, KOMUNITI AGRO DI SABAH, DALAM NEGERI, UM-7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PETANI TUA PERAH KUDRAT, SINAR HARIAN, MUKA HADAPAN	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	JABATAN PERIKANAN PERUNTUK RM2.4 JUTA, LOKAL, HM-5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	SELAGI KUDRAT MASIH ADA, SELAGI ITU MAHU TERUS BAJAK SAWAH, NASIONAL, SH-2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	AGROBANK SUPPORTS MICROENTREPRENEURS WITH AGROPINTAR, BIZ&FINANCE, THE SUN-14	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
6.	AGROBANK PERUNTUK RM50 JUTA BANTU LEBIH 4,000 USAHAWAN MIKRO, DALAM NEGERI, UM-5	
7.	ANAK TAK MINAT SAMBUNG LEGASI, NASIONAL, SH-2	LAIN-LAIN
8.	SEPARUH DARIPADA JUMLAH PETANI NEGARA SUDAH TUA-DOSM, NASIONAL, SH-3	
9.	TERPERANGKAP PERSEPSI SALAH TENTANG PERTANIAN, NASIONAL, SH-3	
10.	AMBIL ALIH TANAMAN JAGUNG MANIS MILIK KELUARGA-NASIONAL, SH-3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



ARTHUR Joseph Kurup melepaskan konvoi bermotosikal sempena Majlis Pelancaran Road To HPPNK 2025@Tawau yang berlangsung di pekarangan Majlis Perbandaran Tawau, Sabah, semalam.

HPPNK 2025@Tawau dekatkan kerajaan, komuniti agro di Sabah

PETALING JAYA: Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025@Tawau menjadi platform mendekatkan kerajaan dengan komuniti agro di Sabah, khususnya golongan peladang, penternak dan nelayan yang merupakan tunjang keterjaminan makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, HPPNK 2025 kali ini cukup istimewa kerana buat pertama kali dalam tempoh 30 tahun, Sabah dipilih sebagai tuan rumah sambutan utama yang akan berlangsung di Sabah International Convention Centre (SICC) pada 1 hingga 3 Ogos ini.

Katanya, bersempena ulang tahun ke-50 pengantaraan HPPNK, ia membawa tema 'Kudrat Kami Menjamin Pertiwi'.

"Tema ini menzahirkan penghargaan kepada tenaga, kecekalan dan semangat juang luar biasa para petani, penternak dan nelayan dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa terjamin.

"Sabah antara penyumbang utama sektor agro makanan negara, dengan sumbangan sekitar 7 hingga 10 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri setiap tahun. Daerah Tawau sahaja menyumbang lebih 27,000 tan metrik perikanan tangkapan (13.5 peratus) dan 67,000 tan metrik sektor akuakultur (27.3 peratus) di Sabah," katanya dalam kenyataan.

Arthur merasmikan Majlis Pelancaran Road To HPPNK 2025@Tawau yang berlangsung di pekarangan Majlis Perbandaran Tawau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2025	SINAR HARIAN	MUKA HADAPAN	-

PETANI TUA PERAH KUDRAT



■ Ramai petani tua masih gigih memerah kudrat mengusahakan tanah demi kelangsungan hidup walaupun dengan tenaga semakin berkurang kerana generasi muda tidak berminat untuk mewarisi kerja-kerja pertanian yang dianggap kotor, susah dan persepsi ia tidak menjanjikan pendapatan lumayan.

■ Hasil laporan bancian Pertanian 2024 turut mendapati hampir separuh daripada petani yang direkodkan di negara ini terdiri daripada golongan sudah berusia 60 tahun ke atas melibatkan jumlah seramai 458,263 orang.

■ Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, struktur demografi pengusaha pertanian dalam negara yang semakin menua memberi gambaran awal tentang keperluan mendesak untuk meremajakan sektor berkenaan.

MUKA 2 & 3

7/7/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

5

PELAKSANAAN 74 UNIT TUKUN TIRUAN DI 6 NEGERI

Jabatan Perikanan peruntuk RM2.4 juta

Pasir Puteh: Jabatan Perikanan Malaysia memperuntukkan RM2.4 juta bagi pelaksanaan 74 unit tukun tiruan di enam negeri sepanjang tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia (Pembangunan) Datuk Azahari Othman berkata, negeri terbabit dalam pelabuan tukun tiruan itu ialah Kedah, Perak, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Menurutnya, pelaksanaan tukun tiruan merupakan strategi utama pemuliharaan marin yang mem-

beri impak langsung terhadap kesejahteraan komuniti nelayan dan ekosistem laut, sekali gus meningkatkan hasil tangkapan laut negara.

"Mengikut kajian Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) pada 2020, sebanyak 129 kilogram biojisim ikan direkodkan pada satu tapak tukun tiruan. Secara keseluruhan, nilai ekonomi daripada 74 tukun tiruan tahun ini dianggarkan

mencecah RM6.2 juta.

"Setakat ini, maklum balas daripada nelayan amat baik, dengan mereka menyatakan hasil laut diperoleh menerusi inisiatif tukun tiruan ini mampu meningkat sehingga 90 peratus berbanding sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Melabuh Tukun Tiruan di Perairan Negeri Kelantan di Tok Bali di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Azahari berkata, bagi tahun ini, sebanyak 12 unit tukun tiruan

"Mengikut kajian ISMAT pada 2020, sebanyak 129 kilogram biojisim ikan direkodkan pada satu tapak tukun tiruan"

Azahari

ruhan mencecah RM6.26 juta.

"Antara jenis tukun digunakan ialah tukun dasar lembut, tukun dasar lembut penghalang pukut tuna, tukun rekreasi dan tukun ketuli. Tukun ini terbahagi kepada dua konsep iaitu konservasi dan rekreasi.

"Tukun konservasi bagi pemuliharaan dan pembiahan hidupan laut di kawasan Taman Laut, manakala tukun rekreasi bertujuan untuk aktiviti memancing secara terkawal di luar kawasan Taman Laut," katanya.

(konservasi) dilabuhkan di Kelantan dengan setiap tukun seberat 15 tan metrik berukuran 2.6 meter tinggi serta 2.5 meter lebar dan panjang, dibina menggunakan konkrit bertulang.

Beliau berkata, sebanyak 312 unit tukun tiruan pelbagai jenis dilabuhkan di perairan Kelantan sejak 2007 meliputi daerah Tumpat, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh, dengan jumlah peruntukan keselu-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Selagi kudrat masih ada, selagi itu mahu terus bajak sawah

JERLUN - Usia bukan penghalang buat Mohd Sobri Osman, 62, untuk terus setia mengurus sawah padi yang telah menjadi sumber rezekinya sejak lebih empat dekad lalu.

Meskipun menyedari kudrat semakin berkurang, semangatnya kekal utuh di tengah bendang.

Bermula sejak usia 22 tahun, kerja sawah bukan sekadar rutin harian bagi Mohd Sobri, malah sudah menjadi sebahagian daripada jati dirinya.

"Selagi kudrat masih ada, selagi itulah saya akan terus membajak sawah," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Kini, Mohd Sobri masih menguruskan 10 hektar sawah bersama seorang pembantu, walaupun hanya mampu melakukan kerja ringan seperti memantau kawa-

san dan membantu setakat temampu.

"Saya buat kerja ringan-ringan seperti memantau kawasan sawah dan membantu pembantu setakat boleh. Buat setakat larat, jika letih saya rehat sekejap.

"Saya tak reti duduk diam. Duduk tanpa kerja membuatkan tubuh lebih lesu berbanding turun ke sawah. Apabila anak-anak tak bagi saya kerja, saya cakat tak kan nak minum kedai kopi pagi petang. Bosan," katanya berseloroh.

Bapa kepada tujuh anak ini bagaimanapun boleh berbangga dengan kejayaan anak-anak dalam kerjaya masing-masing, malah ada yang menyambung pengajian di luar negara.



MOHD SOBRI

Namun, katanya, tiada seorang pun yang menyambung legasi sebagai pesawah.

"Bukan kerana mereka tidak minat, laluan hidup mereka sudah berbeza. Saya tak paksa, mereka ada masa depan sendiri selepas tamat pengajian dan ditawarkan pekerjaan," katanya.

Mohd Sobri yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA Jerlun berkata, masa depan dalam pertanian masih ada sinarnya dan pasti dapat menarik minat anak muda jika diberi peluang dan motivasi secukupnya.

"Sekarang yang buat padi semua orang tua-tua. Anak muda kata kerja ni teruk, kotor, tak berbaloi. Mungkin mereka

tak nampak, ini juga satu perniagaan malah warisan bangsa kita.

"Sawah mengajar kita lebih sabar dan ikhlas. Bila tabur benih, kita tak terus dapat hasil. Perlu tunggu dan jaga, kena reda. Apabila hasilnya tiba waktu tuai, lumayan.

"Tapi anak muda sekarang mahukan gaji bulanan tetap, bukan menunggu musim menuai untuk dapat pendapatan. Mereka tidak salah, cuma belum faham sepenuhnya nilai kerja ini," katanya.

Mohd Sobri turut mengajak generasi baharu mengerjakan sawah sebagai pelapis generasi tua.

"Kalau bukan anak muda tempatan, siapa lagi? Nak harap orang asing? Ini kerja tradisi orang Melayu. Tanah sawah bukan sekadar sumber rezeki, ia juga identiti masyarakat kita," ujarnya.



	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:54	7:10	1:26	4:51	7:39	8:55
ALOR SETAR	5:55	7:08	1:26	4:51	7:39	8:55
PULAU PINANG	5:57	7:09	1:26	4:51	7:37	8:53
IPOH	5:56	7:07	1:24	4:49	7:34	8:49
KOTA BHARU	5:48	7:03	1:19	4:44	7:31	8:42
KUALA TERENGGANU	5:46	7:00	1:15	4:40	7:26	8:41

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	5:50	7:05	1:15	4:41	7:23	8:38
KUALA LUMPUR-PUTRAJAYA	5:56	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
SHAH ALAM	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
SEREMBAN	5:56	7:08	1:20	4:45	7:27	8:42
BANDAR MELAKA	5:55	7:09	1:19	4:44	7:25	8:40
JOHOR BAHRU	5:50	7:04	1:12	4:37	7:18	8:33

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: ZAMRI RAMBLI • PENGARANG EKSEKUTIF: AZMI TARMIZI
 • PENGARANG BERITA: JUNHAIRI ALYASA • TIMBALAN PENGARANG BERITA: BADRULDIN ZAKARIA, ZURI PLEH, AZLINA NORAMAD JANITAH, AHMAD SYAHKUL BERAUH, NURUL RIDUAN NOR ASHARA, WAN NOR ROSIDA WAN HAMAD
 • KETUA JABATAN IKLAN: AIROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF: KAVAN, NORAZLAN ISMAIL
 • Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017398 Faks: 03-51017333 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepena 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013301 • Tel: 03-51017400 (Unit Langganan Karangkraf/Mali) • E-mail: editors@sinarharian.com.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2025	THE SUN	BIZ & FINANCE	14

Agrobank supports microentrepreneurs with AgroPintar

PETALING JAYA: Agrobank has launched the Agro Pintar Niaga Programme (AgroPintar), an initiative designed to empower microentrepreneurs through a combination of financing, *i-Tekad* grant matching and structured entrepreneurship training to help them manage and grow their businesses sustainably.

Group president/CEO Tengku Datuk Ahmad Badli Shah Raja Hussin said, "AgroPintar is a holistic programme that offers not just financing and *i-Tekad* grant matching, but also essential modules on entrepreneurship and business ethics."

"It places strong emphasis on financial literacy, covering areas such as financial management, credit risk control and debt management. The ultimate goal is to enhance the competitiveness and decision-making capabilities of microentrepreneurs to help them make more effective business decisions," he added.

Ahmad Badli Shah said Agrobank has allocated RM50 million to facilitate micro-financing access through the programme, alongside an additional RM5 million in *i-Tekad* matching grants. "The programme will support microenterprises through business and contract farming financing schemes, aiming to benefit more than 4,000 qualified microentrepreneurs, particularly from low-income communities."

"We believe this initiative will not only drive positive economic outcomes but also foster social development among microentrepreneurs," he said, adding that through structured guidance, participants will be equipped with the knowledge and tools to make sound financial and business decisions, ultimately improving their capacity to manage various aspects of their businesses efficiently.

Agrobank will monitor the programme's



Bank Negara Malaysia deputy governor Adnan Zaylani Mohamad Zahid (centre) launching the financial literacy video series, witnessed by Tengku Ahmad Badli Shah (right) and Sir Asai.

impact and effectiveness six months after participants join.

The AgroPintar Programme is spearheaded by Agrobank's Centre of Excellence and Microfinance Division, reflecting Agrobank's ongoing commitment to empowering microentrepreneurs across Malaysia.

At the same event, Agrobank also launched a financial literacy video series developed in collaboration with the Financial

Education Network.

The 12-episode series features popular social media influencer Sir Asai. This initiative is tailored to promote financial awareness among school students using fun and accessible content. It aims to instil healthy financial habits through the 3S approach – Spend, Save and Share – encouraging the younger generation to adopt responsible money management from an early age.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Agrobank peruntuk RM50 juta bantu lebih 4,000 usahawan mikro

Oleh ALLEN MAJAWAN

utusannews@mediamulia.com.my

TAWAU: Agrobank menyediakan dana sebanyak RM50 juta bagi membantu lebih 4,000 usahawan mikro mengurus dan mengembangkan perniagaan mereka secara mampan melalui Program Agro Pintar Niaga (AgroPintar).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, program yang dirancang secara menyeluruh itu merangkumi pembiayaan, padanan geran i-Tekad serta modul asas keusahawanan dan etika perniagaan.

Katanya, ia turut menekankan aspek literasi kewangan yang meliputi pengurusan kewangan, pengurusan risiko kredit serta kawalan hutang.

"Matlamat utama program ini adalah untuk memperkukuh daya saing serta kecekapan usahawan mikro dalam membuat keputusan perniagaan yang lebih bijak dan



ADNAN Zaylani Mohamad Zahid (tengah) sambil dsaksikan oleh Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin merasmikan program Program Agro Pintar Niaga (AgroPintar) di Tawau, Sabah, Sabtu lalu.

berkesan.

"Agrobank memperuntukkan sebanyak RM50 juta khusus bagi menyediakan akses pembiayaan

mikro beserta geran padanan i-TEKAD bernilai RM5 juta kepada para usahawan, meliputi Pembiayaan Perniagaan Usahawan

Mikro dan Pembiayaan Ladang Kontrak.

"Peruntukan ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 4,000 usahawan mikro yang berkelayakan terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah," katanya pada majlis pelancaran AgroPintar di Eastern Plaza di sini, kelmarin.

Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Adnan Zaylani Mohamad Zahid.

Agrobank percaya inisiatif itu bukan sahaja akan memberi impak positif dari segi ekonomi, malah mampu merangsang pertumbuhan sosial dalam kalangan usahawan mikro.

Para peserta program akan diberikan bimbingan berstruktur dan dilengkapi dengan kemahiran membuat keputusan kewangan.

Selain itu, mereka dibimbing mengenai perniagaan sekali gus meningkatkan kebolehpayaan mereka dalam mengurus aspek aspek perniagaan secara efisien.

Program ini juga akan dipantau dari segi perkembangan dan keberkesanan enam bulan selepas penyertaan para usahawan.

Dalam majlis sama, Agrobank melancarkan satu inisiatif untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan pelajar sekolah melalui pendekatan yang menarik dan mudah difahami.

Inisiatif tersebut, Video Bersiri Celik Kewangan, dijalankan dengan kerjasama strategik Financial Education Network (FEN) dan mengandungi 12 episod yang menampilkan pengaruh media sosial, Sir Asai.

Agrobank Centre of Excellence (ACE) dan Jabatan Mikro Agrobank, sebagai pengendali program ini berkata, langkah itu merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Agrobank dalam memperkasa usahawan mikro di seluruh negara.

Inisiatif ini selaras dengan hasrat untuk memupuk golongan usahawan yang berdaya tahan, progresif dan lestari dalam jangka masa panjang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Anak tak minat sambung legasi

Lima dekad berbakti kepada tanah, Abdullah teruskan bertani walaupun sudah penghujung usia

PASIR MAS

“Orang muda sudah tidak berminat, jadi saya teruskan juga bertani, walaupun usia sudah mencecah warga emas.”

Itu luahan Abdullah Yaacob, 76, yang masih setia mencurahkan keringat hampir lima dekad di tanah kelahirannya di Kampung Slow Teliar di sini.

Walaupun dimamah usia, Abdullah tetap gigih mengusahakan tanaman tembikai wangi, tembikai biasa, jagung dan sayur-sayuran.

Bertani bukan sekadar pekerjaan baginya, tetapi satu bentuk terapi yang menghidupkan semangat dan tubuh.

“Semasa muda dahulu, saya mampu mengusahakan hampir dua hektar tanah.

Sekarang hanya tinggal 0.2 hektar saja yang mampu saya uruskan kerana faktor usia. Anak-anak suruh saya berehat, tapi saya rasa bertani ini menjaga kesihatan saya,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Abdullah yang mempunyai tiga orang anak berusia 41 hingga 45 tahun berkata, tiada seorang pun daripadanya yang berminat meneruskan legasi pertanian keluarga tersebut.

Sebaliknya, semuanya bekerja makan gaji dan memilih haluan kerjaya berbeza. “Yang tinggal meneruskan kerja pertanian cuma anak saudara lelaki saya umur 24 tahun, dan adik ipar saya yang berusia 54 tahun,” katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, cabaran bertani pada masa kini lebih mudah berbanding dahulu.

“Dahulu, petani menggunakan tenaga gabungan teknologi moden dan tradisional seperti cangkul, parang dan kerbau.

“Sekarang semuanya moden, dari menggemburkan tanah, buat batas, sehingga sembur racun dan sistem pengairan, semuanya guna mesin,” ujarnya.

Abdullah berkata, pertanian masih mampu menjana pendapatan lumayan jika diusahakan bersungguh-sungguh.



Abdullah setiap hari turun ke kebun mengusahakan tanaman miliknya di Kampung Slow Teliar, Pasir Mas, Kelantan.

“Kalau kena caranya, satu musim tanaman tembikai wangi, tembikai dan jagung pun boleh dapat sampai RM20,000,” katanya.

Walaupun hanya seorang warga emas, semangat Abdullah menjadi simbol kecekalan generasi berusia dalam memartabatkan pertanian di negara ini.

Separuh daripada jumlah petani negara sudah tua - DOSM

SHAH ALAM - Hampir separuh daripada petani yang direkodkan di negara ini terdiri daripada golongan yang sudah berusia 60 tahun ke atas, menerusi hasil laporan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bancian itu mendapati jumlah petani yang sudah berusia itu adalah seramai 456,263 orang bersamaan 45.4 peratus, sementara kategori individu berusia 46 hingga 59 tahun sebanyak 326,287 orang iaitu sekitar 32.3 peratus.

Kumpulan petani muda yang berusia 31 hingga 45

tahun pula seramai 190,952 orang (18.9 peratus), manakala 15 hingga 30 tahun 33,195 orang (3.3 peratus).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Uzir Mahidin berkata, golongan warga emas akan tetap berada di lapangan untuk bertani sehingga habis kudrat kerana ia sudah menjadi rutin bagi mereka yang menetap di luar bandar.

"Selagi dikurniakan kesihatan dan umur yang panjang, aktiviti pertanian akan tetap menjadi pilihan di kampung."

"Namun, tiada data perbandingan melibatkan kesemua kumpulan ini un-

tuk tahun-tahun sebelumnya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, struktur demografi pengusaha pertanian dalam negara yang semakin menua memberi gambaran awal tentang keperluan mendesak untuk meremajakan sektor berkenaan.

Beliau berkata, ini disebabkan generasi muda kurang berminat untuk menyertai sektor terabit, sekaligus mengugut kestabilan negara.

Sementara itu, Uzir


berkata, bancian turut mendapati muncul potensi tinggi dalam kalangan belia yang mahir untuk meningkatkan produktiviti terhadap sektor pertanian.

Bagaimanapun, katanya, tiada data tepat di rekodkan mengenai trend atau peratusan peningkatan, penurunan dan mendarat membabitkan petani muda tersebut.

"Ini kerana, banci pertanian terakhir dibuat adalah pada tahun 2005 dan terlahir banyak statistik mahupun dapatan tidak dikemaskinikan dalam 19 tahun kebelakangan ini," jelas beliau.

Bagaimanapun, Uzir

PECAHAN BILANGAN PETANI MENGIKUT USIA



Sumber: Laporan Sasawang Tani Stats
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

berkata, pihaknya memberi jaminan akan mengeluarkan laporan bancian setiap 10 tahun sepertimana di-

umumkan dalam Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 sebelum ini.

Terperangkap persepsi salah tentang pertanian

Punca anak muda takut
ceburi bidang berkenaan,
sebaliknya pilih makan gaji

KUANTAN

Bidang pertanian menjani-
kan pulangan lumayan
sekitarnya. dilakukan de-
mempunyai ilmu terhadap setiap
tanaman diusahakan.

Atas keyakinan itulah Abdul Hafis
Muhammad, 32, berani menyahut cabaran
menceburi bidang pertanian sebagai an-
tara punca pendapatan walaupun pekerja-
an itu kurang popular dalam kalangan
anak muda.

Petani muda dari Kampung Seri Damai
di sini itu tidak menafikan ramai golongan
muda masih 'terperangkap' dengan per-
sepsi kononnya pertanian merupakan
pekerjaan kotor, berat, memenatkan, be-
risiko dan tidak menguntungkan.

Dia yang mengusahakan tanaman ja-
gung manis atas tanah sendiri seluas lebih
0.4 hektar bagaimanapun tidak menolak
cabaran besar yang terpaksa dihadapi

sepanjang menceburi bidang per-
tanian.

"Sebagai petani memang tidak
boleh lari daripada masalah dan ca-
baran terutama yang di luar jangka yang
merugikan.

"Tanaman tidak menjadi, kenaikan
harga input, harga hasil yang tidak me-
nentu, lambakan, serangan penyakit dan
bermacam-macam lagi sudah lumrah.
Atas sebab inilah mungkin punca ramai
anak muda tidak berminat ceburi bidang
pertanian, sebaliknya lebih suka makan
gaji," katanya kepada *Sinar Harian*.

Lulusan Institut Pertanian Bumbong
Lima, Pulau Pinang itu berkata, segala
cabaran dan masalah dapat diatasi
dengan ilmu dan strategi yang betul.

"Saya mula ceburi bidang pertanian
ini pada tahun 2009 dengan mengusaha-
kan sebidang tanah bersama salah se-

orang adik. Tapi sebelum itu, sekitar 2006
lagi saya sudah mula berjinak-jinak de-
ngan membantu keluarga.

"Selepas tamat pengajian di Institut
Pertanian Bumbong Lima pada tahun
2013, saya meneruskan aktiviti pertanian
ini dengan memilih tanaman jagung manis
hingga kini," ujarnya.

Walaupun enggan mendedahkan ha-
sil pendapatan diperoleh, namun bapa
kepada dua anak itu mengakui segala
diusahakan berbaloi setiap kali musim
menjual hasil.

"Jagung manis ini ada potensi agak
baik kerana ia dapat ditanam tiga hingga
empat kali setahun selain permintaan
tinggi dan harga yang memuaskan," kata-
nya yang turut mendapat bantuan geran
daripada agensi di bawah Kementerian
Pertanian dan Keterjaminan Makanan
(KPKM).



Abdul Hafis positif bidang pertanian
menjajikan pulangan lumayan sekiranya
dilakukan dengan sistematik, fokus dan
mempunyai ilmu terhadap setiap tanaman
diusahakan.

Ambil alih tanaman jagung manis milik keluarga

KUALA KANGSAR - Nekad meneruskan per usaha kecil tanaman jagung manis keluarga membuahkan hasil bagi seorang anak muda apabila mampu menjana pendapatan ribuan ringgit.

Muhammad Hafizie Alwi, 28, bagaimanapun berkata, kejayaan hari ini tidak datang bergolek apabila perlu melalui pelbagai cabaran ketika mengambil alih sepenuhnya kebun jagung seluas 0.8 hektar, empat tahun lalu.

"Sebelum ini saya bekerja di stesen minyak, jadi tidak mempunyai ilmu asas dalam pertanian menyebabkan saya tidak tahu bagaimana untuk menangani serangan penyakit tanaman dan per-

alatan yang sesuai digunakan.

"Saya kemudian merujuk kepada Jabatan Pertanian Perak bagi mendapatkan bimbingan dari segi kaedah, bantuan dan penggunaan baja yang betul bagi menghasilkan jagung yang baik dan banyak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Anak jati Lubuk Merbau itu berkata, dengan bimbingan berterusan daripada pegawai pertanian, dia kini mengusahakan ladang jagung manis seluas 8.5 hektar untuk pasaran negara dan dibantu tiga pekerja.

Menurutnya, kerajaan juga menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu petani muda seperti ini.

"Namun, untuk mendapatkan geran bukanlah mudah kerana jabatan terlibat perlu melakukan pemantauan selama enam bulan untuk melihat sejauh mana usaha kita menceburi bidang ini.

"Saya mohon geran agropreneur muda tahun lalu dan tahun ini baru dapat. Menerusi geran itu, saya memperoleh pelbagai bantuan terutama peralatan seperti pam air, polipaip, baja dan racun yang membantu tanaman dan penghasilan jagung yang baik," katanya.

Ladangnya kini dapat menghasilkan sekitar 280,000 tongkol jagung manis setiap musim dengan pulangan men- cecah RM9,000.



Tanaman jagung manis keluarga kini membolehkan Muhammad Hafizie memperoleh pendapatan ribuan ringgit.